

RANGKUMAN

Cabot sebagai sebuah organisasi perbadanan adalah komited dalam melaksanakan perniagaan dengan penuh integriti dan sejajar dengan nilai piawaian etika yang tinggi. Bagi menyokong komitmen ini, Cabot telah melaksanakan Etika Global dan juga Piawaian Pematuhan dengan harapan agar semua pembekal mematuhi standard ini. Prinsip asas yang terkandung di dalam piawaian ini adalah seperti berikut.

◆ Hadiah dan Saguhati

Kakitangan Cabot dilarang dari meminta, mendapatkan atau menerima hadiah secara peribadi, pertolongan, hiburan atau perkhidmatan dari mana mana pembekal yang sedia ada atau bakal pembekal bagi membolehkan kakitangan memberikan sebarang layanan khusus dalam harga, terma atau pinjaman, bagi mendapatkan sebarang peluang perniagaan atau mendapatkan manfaat dari layanan tersebut. Sebarang pemberian dalam bentuk tunai atau nilai yang setara adalah dilarang.

◆ Pembayaran Yang Tidak Wajar

Rasuah, pemberian dalam apa jua bentuk dan juga pembayaran yang tidak sah yang dilakukan oleh mana mana pembekal sedia ada atau bakal pembekal dimana ianya tidak bersesuaian serta tambahan pula ianya adalah sesuatu yang dilarang di dalam Negara di mana Cabot berurusan. Pada Cabot dan sekutunya segala pembayaran yang tidak wajar adalah dilarang sama sekali..

◆ Amalan Perburuhan dan Diskriminasi

Pembekal dikehendaki mematuhi dengan apa jua perundangan tempatan atau Negara mengenai sebarang pampasan dan juga waktu bekerja. Cabot amat menghargai kepelbagaian dan menghormati hak serta peluang yang sama rata dalam pekerjaan. Cabot tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pembekal yang melanggar peraturan perburuhan dan diskriminasi pekerjaan, pengajian kanak-kanak atau amalan buruh paksa.

◆ Tanggungjawab Alam Sekitar

Cabot amat komited dalam menguruskan operasinya dengan memenuhi segala pematuhan undang-undang sedia ada dan pihak berwajib dari kerajaan. Kami mengendalikan tapak kilang dengan mengambil berat tentang masyarakat setempat tanpa berbelah bagi dan berusaha meminimalkan impak alam sekitar dalam segala operasi kami. Cabot juga mengharapkan agar semua pembekal berkongsi nilai yang sama ini.

◆ Keselamatan

Cabot berusaha dengan gigih dalam memastikan keselamatan operasi kami dan semua kakitangan termasuk kontraktor dan juga pelawat. Kami berkeyakinan penuh bahawa sebarang kecederaan boleh dicegah dan memperuntukkan dengan penuh dedikasi masa yang signifikan serta tenaga bagi memastikan tiada sesiapa yang mendapat kecederaan. Cabot menghendaki pembekal juga melaksanakan program keselamatan yang kukuh serta komited kearah pelaksanaan perubahan yang berterusan kerana ia berkaitan dengan prestasi keselamatan.

Cabot berhak menamatkan urusan dan hubungan perniagaan dengan mana-mana pihak yang didapati melanggar prinsip yang dinyatakan di atas. Piawaian ini juga boleh diperolehi di laman sesawang kami di cabotcorp.com dibawah tajuk "About Cabot - Code of Business Ethics."